SALBUTAMOL-G EXPECTORANT

Salbutamol sulfate (1.2mg/5ml) , Guaifenesin (50mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan SALBUTAMOL-G EXPECTORANT
2. Bagaimana SALBUTAMOL-G EXPECTORANT berfungsi
3. Sebelum menggunakan SALBUTAMOL-G EXPECTORANT
4. Cara menggunakan SALBUTAMOL-G EXPECTORANT
5. Semasa menggunakan SALBUTAMOL-G EXPECTORANT
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan SALBUTAMOL-G EXPECTORANT
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan SALBUTAMOL-G EXPECTORANT

Untuk mengurangkan kelikatan kahak dan membantu untuk mengeluarkan kahak. Untuk membuka saluran pernafasan dalam paru-paru anda apabila dada anda menyempit atau semasa anda berdehit.

Bagaimana SALBUTAMOL-G EXPECTORANT berfungsi

Salbutamol adalah bronkodilator, sejenis ubat yang digunakan dalam rawatan penyakit asma dengan membantu pembukaan saluran pernafasan dan melegakan simptom–simptom seperti sesak dada, berdehit dan batuk. *Guaifenesin* adalah ekspektoran yang berfungsi untuk meningkatkan penyingkiran rembesan saluran pernafasan. Gabungan salbutamol dengan *Guaifenesin* dalam ubat ini akan mengurangkan halangan pernafasan dan melegakan keadaan kesukaran bernafas.

Sebelum menggunakan SALBUTAMOL-G EXPECTORANT

- *Bila tidak boleh mengambil*

Jika anda alergik terhadap *salbutamol sulfate* dan / atau *Guaifenesin* , SALBUTAMOL-G EXPECTORANT tidak harus digunakan.

- *Sebelum mula mengambil*

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda mengenai penggunaan SALBUTAMOL-G EXPECTORANT jika anda sedang mengandung atau menyusukan anak. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda alergik terhadap sebarang ubat ataupun mempunyai sebarang masalah kesihatan.

– *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Boleh menyebabkan kesan yang tidak diingini jika digunakan bersama dengan propranolol (ubat untuk tekanan darah tinggi) dan MAOIs (*MonoAmine-Oxidase Inhibitors*) (ubat untuk kemurungan). Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat, termasuklah ubat yang tidak memerlukan preskripsi.

Cara menggunakan SALBUTAMOL-G EXPECTORANT

- *Berapa banyak harus diambil*

Dewasa: Oral, 10ml - 20 ml dua atau tiga kali sehari.
Kanak-kanak: 2 hingga 6 tahun: Oral, 5ml - 10 ml dua kali sehari.
Kanak-kanak: 7 hingga 12 tahun: Oral, 10ml dua kali sehari.
Kanak-kanak: 12 tahun dan keatas: Oral, 10ml - 20ml dua kali sehari.

- *Bila perlu diambil*

SALBUTAMOL-G EXPECTORANT perlu diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Ubat ini perlu diambil dengan keadaan perut kosong , iaitu 1 jam sebelum atau dua jam selapas makan.

- *Berapa lama perlu diambil*

SALBUTAMOL-G EXPECTORANT perlu diambil secara tetap dan pada tempoh masa tertentu seperti yang dinasihatkan oleh doktor.

- *Jika terlupa mengambil*

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika sudah beberapa jam selepas masa makan ubat berlalu ataupun sudah mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Minta bantuan perubatan dengan segera jika anda atau orang lain terambil dos yang berlebihan.

Semasa menggunakan SALBUTAMOL-G EXPECTORANT

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Ikut arahan doktor anda semasa mengambil SALBUTAMOL-G EXPECTORANT.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Peningkatan penggunaan SALBUTAMOL-G EXPECTORANT mungkin menunjukkan kemerosotan kawalan penyakit asma. Dalam keadaan ini, sila jumpa doktor anda untuk bincang mengenai rawatan lanjut. Ubat ini harus digunakan secara berhati-hati dengan pesakit penyakit tiroid dan kencing manis. Pesakit dengan keadaan asma yang teruk atau tidak stabil tidak boleh dirawat dengan ubat ini sahaja.

Kesan-kesan sampingan

SALBUTAMOL-G EXPECTORANT mungkin menyebabkan sakit kepala, rasa loya, menggeletar atau rasa tegang dan jantung anda berdenyut lebih laju daripada biasa.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan SALBUTAMOL-G EXPECTORANT

- *Penyimpanan*

Simpan di bawah suhu 30ºC, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan keadaan yang lembap.

- *Pelupusan*

SALBUTAMOL-G EXPECTORANT perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Ubat ini tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau buangan isi rumah. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*

SALBUTAMOL-G EXPECTORANT adalah larutan yang jernih dan tidak berwarna dengan perisa *blackcurrant.*

- *Bahan-bahan kandungan*

-Bahan aktif

Salbutamol sulfate
Guaifenesin.

-Bahan-bahan tidak aktif

Sucralose
Sodium Saccharin
Sodium Benzoate
Sodium Citrate
Citric Acid
Perisa *Blackcurrant*

Nombor MAL.

MAL14115013AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

12/06/2025